



LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH PERAK KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Pelawaan sebut harga dikeluarkan oleh :

**Lembaga Perumahan Dan Hartanah Perak,
Aras G, Bangunan Perak Darul Ridzuan,
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,
30000 Ipoh, Perak Darul Ridzuan.**

Tarikh : 03 Oktober 2022

1. Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang berkaitan seperti di bawah:

NOMBOR SEBUT HARGA	TAJUK	KOD BIDANG
LPHP.PK.SH. 23/2022	PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN LIF DI PANGSAPURI SERI KEPAYANG, IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN TEMPOH : 1 JANUARI 2023 – 31 DISEMBER 2024 (24 BULAN)	220505
LPHP.PK.SH. 24/2022	PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN BAGI EMPAT (4) UNIT LIF DI PANGSAPURI LAKSAMANA AMANJAYA, TELUK INTAN TEMPOH : 1 JANUARI 2023 – 31 DISEMBER 2024 (24 BULAN)	220505

2. Dokumen Sebutharga hanya dikeluarkan kepada Kontraktor atau Wakil-Wakil kontraktor yang sah sahaja (perlu membawa surat akuan dari penama yang sah). Taklimat berkenaan dengan sebutharga akan diadakan pada **17 Oktober 2022 (Isnin)** di Dewan Rumah Pangsa Jalan Hospital, Ipoh pada jam 10.00 Pagi.

3. Dokumen sebut harga boleh diperolehi di Lembaga Perumahan Dan Hartanah Perak, Aras G Bangunan Perak Darul Ridzuan, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000 Ipoh, Perak mulai **14 Oktober 2022 (Jumaat)** sehingga **21 Oktober 2022 (Jumaat)** dari jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang waktu pejabat. Senaskah dokumen sebut harga adalah **RM100.00**. Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk **Tunai Sahaja**.

4. Syarikat yang berminat **DIWAJIBKAN** membawa Sijil Pendaftaran yang asal daripada Kementerian Kewangan yang masih sah tempoh lakunya serta salinan fotostat (salinan tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan semasa pembelian dokumen sebut harga.

5. Dokumen sebut harga yang telah lengkap diisi dan ditandatangani hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul surat berlakri yang ditanda dengan **NOMBOR SEBUT HARGA** pada sudut atas sebelah kiri sampul dan dialamatkan kepada:

**Ketua Pegawai Eksekutif,
Lembaga Perumahan Dan Hartanah Perak,
Aras G, Bangunan Perak Darul Ridzuan,
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,
30000 Ipoh, Perak Darul Ridzuan.**

Sampul sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga yang disediakan di alamat di atas sebelum tarikh tutup.

6. Tarikh tutup sebut harga ialah pada **21 Oktober 2022 (Jumaat) jam 12.00** tengahari.

7. Pihak Lembaga Perumahan Dan Hartanah Perak tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kelewatan atau kehilangan mana-mana sebut harga yang dikemukakan melalui pos atau dihantar sendiri dengan tangan.



(MOHAMED AKMAL BIN DAHALAN, P.M.P)
Ketua Pegawai Eksekutif,
Lembaga Perumahan Dan Hartanah Perak,
Aras G, Bangunan Perak Darul Ridzuan,
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,
30000 Ipoh.